

MUDAHNYA BUAT KOMPOS!



PENULIS UTAMA:
DR. NOOR SYAHEERA

PENULIS BERSAMA:

DR. SYAHMI

DR. FAHMI

DR. ROZI

DR. FAUZHAN

DR. LATIF

DR. RAZIK

DR. SHUHADA

DR. AINI

DR. HOIRUL

DR. TAMIL

**PANDUAN
MUDAH
MEMBUAT
KOMPOS
DI RUMAH**



MUDAHNYA BUAT KOMPOS!

**BUMI
TIDAK
PERLUKAN
KESEMPURNAAN,
HANYA.....
TINDAKAN**



PENAFIAN HAK CIPTA

Terbitan Pertama: 2026

© E-buku ini merupakan hasil penulisan bersama panel pensyarah Jabatan Sains Tumbuhan, Kuliah Sains, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)- Dr. Noor Syaheera Mohd Yunus, Dr. Rozilawati Shahari, Dr. Mohd Razik Bin Midin, Dr. Md Hoirul Azri Ponari, Dr. Mohd Fauzihan Karim, Dr. Che Nurul Aini Che Amri, Dr. Mohd Syahmi Salleh, Dr. Nur Shuhada Muhamad Tajudin, Dr. Abdul Latif Noh, Dr. Tamil Chelvan Menakshi Sundram dan Dr. Muhamad Fahmi Yunus.

Tidak dibenarkan menerbitkan semula mana-mana bahagian penulisan dalam buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara cetakan, fotokopi, mekanik, rakaman, elektronik, atau seumpamanya, tanpa kebenaran bertulis daripada penulis.

Penulis dan penerbit tidak memberikan sebarang jaminan bahawa kandungan dalam buku ini sesuai untuk semua pembaca. Maklumat yang disampaikan adalah berdasarkan pengalaman, pembacaan, penyelidikan dan kepakaran penulis serta bertujuan sebagai panduan umum dalam amalan pengkomposan.

Segala tindakan yang diambil berdasarkan maklumat dalam buku ini adalah di bawah tanggungjawab pembaca sendiri. Penulis dan penerbit tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau kesan yang mungkin timbul daripada penggunaan maklumat yang terkandung dalam buku ini.

Tajuk Buku: Mudahnya Buat Kompos!

Diterbitkan oleh:

InTouch Publication

PV13, No.9, Jalan Danau Saujana 1,
53300, Danau Kota, Kuala Lumpur.

Email: intouchpublicationworld@gmail.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari
Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7907-15-4



KATA PENGANTAR

Lestarkan Alam! 

Setiap hari, tanpa kita sedari, banyak sisa dapur seperti kulit buah, lebihan sayuran, daun kering dan bahan organik berakhir begitu sahaja di dalam tong sampah. Sedangkan di sebalik apa yang kita anggap sebagai “sisa”, sebenarnya tersimpan manfaat yang cukup besar untuk tanah, tanaman dan alam sekitar.



E-buku Mudahnya Buat Kompos! hadir untuk membuktikan bahawa pengkomposan bukanlah sesuatu yang rumit. Kita tidak perlu menjadi pakar pertanian, mempunyai kawasan yang luas atau menyediakan peralatan yang mahal. Dengan ilmu yang betul, bahan yang mudah diperoleh dan sedikit kesungguhan, kita boleh bermula dari rumah.

Apa yang menarik, e-buku ini membawa pembaca memahami proses pengkomposan secara praktikal dan mudah daripada mengenali bahan yang sesuai, menyediakan kompos, menggunakan EM homemade, memantau suhu sehinggalah mengenal pasti tanda-tanda kompos telah matang dan sedia digunakan.

Penyampaian dalam bentuk infografik juga menjadikan ilmu ini lebih santai, visual dan mudah dipraktikkan oleh pelbagai peringkat usia. Bayangkan jika setiap keluarga mula mengurus sebahagian sisa dapur sendiri. Sedikit demi sedikit, kita bukan sahaja dapat mengurangkan jumlah sisa yang dibuang, malah mampu menghasilkan baja organik yang memberi kehidupan baharu kepada tanah dan tanaman.

Tahniah kepada Dr. Syaheera atas usaha menghasilkan e-buku yang praktikal dan bermanfaat ini. Semoga Mudahnya Buat Kompos! menjadi pencetus kepada lebih ramai pembaca untuk berkata, “Oh, rupanya mudah sahaja buat kompos!” lalu terus mencubanya sendiri.

Simple-Shida SS


Founder

Intouch Publication

Pakar Industri Negara

Penulisan & Penerbitan

HRD Corp Accredited Trainer



KATA PENGANTAR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buku Mudahnya Buat Kompos ini berjaya diterbitkan sebagai satu panduan yang praktikal dan bermanfaat kepada masyarakat.

Penghasilan kompos merupakan satu amalan yang bukan sahaja membantu mengurangkan sisa organik, malah menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dan peningkatan kesuburan tanah. Dalam era yang semakin menuntut kesedaran terhadap pengurusan sisa dan penjagaan alam, ilmu yang dikongsikan dalam buku ini amat relevan untuk diaplikasikan oleh semua lapisan masyarakat.


Saya merakamkan penghargaan dan tahniah kepada penulis atas usaha murni dalam menyampaikan ilmu secara ringkas, mudah difahami dan berasaskan pengalaman praktikal. Saya yakin buku ini mampu menjadi rujukan yang berguna kepada para pelajar, pendidik, pengusaha pertanian serta masyarakat umum yang ingin memulakan langkah dalam penghasilan kompos.

Semoga penerbitan buku ini memberi manfaat yang berpanjangan serta menjadi pemangkin kepada budaya pengurusan sisa yang lebih lestari demi kesejahteraan generasi akan datang.

Sekian. Terima kasih.



**Mejar Hasrul Taufek bin Roslan PNBB (Lebanon),
PPS, PPA, TUDM (Bersara)
EM. Tech Mgmt (UNIMAS) – Master Shiro
Pengarah / Pengerusi
MSGa Sdn. Bhd.**





“




"Tidaklah seorang Muslim menanam suatu tanaman atau menyemai benih, lalu dimakan oleh burung, manusia atau haiwan, melainkan ia menjadi sedekah baginya."



—Riwayat al-Bukhari (2320) dan Muslim (1552)





PRAKATA

Assalamualaikum dan salam sejahtera.


E-buku Mudahnya Buat Kompos! diterbitkan bagi memperkenalkan kaedah mudah menghasilkan kompos daripada sisa organik harian seperti sisa makanan, kulit buah-buahan dan daun kering. Melalui proses penguraian semula jadi, sisa yang biasanya dibuang dapat ditukarkan kepada baja organik yang menyuburkan tanah dan membantu pertumbuhan tanaman.

E-buku ini disusun dalam bentuk yang ringkas, praktikal dan mudah difahami agar sesuai dijadikan panduan oleh semua lapisan masyarakat.

Kami berharap perkongsian ini dapat memberi inspirasi kepada pembaca untuk memulakan amalan pengkomposan di rumah dan bersama-sama mengurangkan sisa yang dihantar ke tapak pelupusan.

Semoga usaha kecil ini dapat menyumbang kepada kelestarian alam sekitar serta mewujudkan persekitaran yang lebih hijau dan sihat untuk generasi akan datang.

Panel Penulis
Jabatan Sains Tumbuhan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



SINOPSIS

Pernakah anda terfikir bahawa sisa dapur yang sering dibuang sebenarnya boleh bertukar menjadi baja yang menyuburkan tanaman?

Mudahnya Buat Kompos! membuktikan bahawa menghasilkan kompos tidaklah sesukar yang disangka. Dengan langkah yang ringkas, kos yang rendah dan bahan yang mudah didapati di rumah, sesiapa sahaja boleh memulakan pengkomposan tanpa memerlukan pengalaman atau kemahiran khas.

Buku ini membimbing anda mengenali bahan yang sesuai untuk dikomposkan, teknik penyediaan kompos, penggunaan EM homemade, cara memantau suhu kompos serta petunjuk kompos yang telah matang. Disampaikan melalui infografik menarik dan penerangan yang mudah difahami, e-buku ini sesuai untuk seisi keluarga, pelajar, komuniti dan pencinta alam sekitar.

Mulakan langkah kecil hari ini untuk mengurangkan sisa, menyuburkan tanah dan menghijaukan persekitaran.

ISI KANDUNGAN



1) Ke mana pergi sampah?	11
2) Kita ada penyelesaiannya	12
3) Sampah atau Sumber?	13
4) Apa itu kompos?	14
5) Bagaimana kompos terhasil?	15
6) Kompos mudah, murah, berbaloi	16
7) Kenapa kompos penting?	17
8) Apa yang boleh dikomposkan	18
9) Apa yang tidak boleh dikomposkan	19
10) Bahan Hijau, Bahan Coklat	21
11) Sisa buah-buahan	23
12) Nisbah kompos	25
13) Jenis bekas kompos	26
14) 6 langkah penyediaan kompos	27
15) Kaedah susunan kompos bertingkat	29
16) Kaedah tanam sisa di dalam tanah	30
17) Bolehkah pengkomposan dipercepatkan?	31
18) Rahsia kompos cepat menjadi	32
19) Petunjuk suhu	34
20) Kompos matang	35
21) Tahniah anda berjaya	36
22) Mulakan hari ini	37